

ARISONE CREAM

Hydrocortisone Acetate (1g/100g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Arisone Cream
2. Bagaimana Arisone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Arisone Cream
4. Cara menggunakan Arisone Cream
5. Semasa menggunakan Arisone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Arisone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Arisone Cream

Arisone Cream digunakan untuk merawat keradangan yang bertindak balas kepada terapi steroid.

Bagaimana Arisone Cream berfungsi

Arisone Cream mengandungi ubat yang dipanggil hydrocortisone acetate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil kortikosteroid yang digunakan untuk mengurangkan bengkak dan keradangan.

Sebelum menggunakan Arisone Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Arisone Cream sekiranya:

- anda alah (hipersensitif) kepada hydrocortisone atau kepada mana-mana bahan lain di dalam ubat ini.

Jangan gunakan Arisone Cream bagi keadaan berikut:

- Jangkitan kulit yang tidak dirawat
- Katarak (kanta mata menjadi keruh)
- Kencing manis
- Glaukoma (tekanan mata meningkat)
- Batuk kering

- Sebelum mula menggunakan Arisone Cream

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda:

- mempunyai sejarah alergi terhadap kortikosteroid

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil atau sedang menyusu.
- Kortikosteroid tidak boleh disapu secara meluas dalam jumlah yang banyak atau untuk tempoh yang panjang jika anda hamil atau merancang untuk hamil.
- Tidak diketahui sama ada hydrocortisone acetate terdapat dalam susu ibu atau sama ada ia mempunyai kesan berbahaya kepada bayi yang baru lahir.
- Jika digunakan semasa menyusu, jangan sapukan hydrocortisone acetate pada payudara supaya bayi tidak tertelan ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda guna, termasuk ubat-ubatan yang tidak perlukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik.

Cara menggunakan Arisone Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan nipis di atas kawasan yang perlu dirawat.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2-3 kali sehari atau seperti yang ditetapkan oleh doktor sehingga sembuh.

- Berapa lama perlu digunakan

Guna krim ini untuk tempoh masa yang ditentukan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini dengan segera dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tanda dan gejala hormon kortisol yang tinggi seperti penambahan berat badan, tanda regangan dan jerawat mungkin berlaku. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan atau anda termakan krim. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang

kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Arisone Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya terdapat penyebaran jangkitan ke kawasan lain supaya rawatan yang sesuai diberikan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Arisone Cream digunakan pada luaran sahaja.
- Krim ini tidak boleh dimakan atau ditelan.
- Jangan berhenti menggunakan krim secara tiba-tiba kerana keadaan anda mungkin akan bertambah teruk.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Kain, pakaian dan cadar katil mudah terbakar jika terkena produk ini.
- Sekiranya digunakan pada kelopak mata, pastikan ubat tidak memasuki mata.
- Jika mata atau mulut anda terkena krim, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.

Memandu dan menggunakan mesin Ubat ini boleh mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya anda mengalami kabur penglihatan, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Arisone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah kepada krim. Jika anda mempunyai alahan, tindak balas serta merta akan berlaku selepas anda mula menggunakannya. Jika anda mengalami reaksi alahan, berhenti menggunakan Arisone Cream dan sila hubungi doktor anda dengan segera. Kesan sampingan termasuk:

- Jangkitan kulit.
- Penglihatan kabur
- Kegatalan, rasa terbakar/sakit, ruam, kemerahan, gatal-gatal, penipisan

ARISONE CREAM

Hydrocortisone Acetate (1g/100g)

- kulit, kekeringan kulit, tanda regangan, perubahan pigmentasi
- Pertumbuhan rambut yang berlebihan.
 - Gejala yang sedang dialami bertambah teruk
 - Kanak-kanak dan remaja mempunyai nisbah luas permukaan kulit kepada berat badan yang besar dan permukaan kulit yang lebih nipis, yang boleh mengakibatkan penyerapan kortikosteroid topikal yang lebih banyak.
 - Penindasan adrenal, peningkatan tekanan di sekeliling otak dan pertumbuhan terencat telah dibuktikan akan berlaku pada kanak-kanak.

- Bahan tidak aktif
propylene glycol, liquid paraffin, purified water, tween 80, cetostearyl alcohol, white soft paraffin, cetomacrogol 1000, glyceryl monostearate

- Nombor MAL:
MAL19900408AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
26/07/2024

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Arisone Cream

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang jauh daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim lembut berwarna putih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hydrocortisone acetate